

SULIT

21/1
Sejarah
Ogos
2010
1¼ Jam



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010**

ANJURAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS)

SEJARAH

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **60** soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi **21** halaman bercetak

**[Lihat sebelah
SULIT**

- 1 Gambar 1 menunjukkan Y.A.B. mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sedang menandatangani plak pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001.



Gambar 1

Apakah ciri sejarah yang boleh dikaitkan dengan gambar tersebut?

- A Tepat dan benar
B Sebab dan akibat
C Berkesan dan unik
D Penting dan bermakna
- 2 Maklumat berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah di Malaysia.

Zaman X
<ul style="list-style-type: none">• Sungai Tembeling, Pahang• Gua Harimau, Perak• Changkat Menteri, Perak

Zaman X ialah

- A Paleolitik
B Mesolitik
C Neolitik
D Logam

[Lihat sebelah
SULIT

- 3 Maklumat berikut menunjukkan tiga bahagian pentadbiran dalam Kerajaan Srivijaya.


Pentadbiran Kerajaan Srivijaya
<ul style="list-style-type: none">• Pentadbiran diraja• Pentadbiran daerah• X

Apakah X?

- A Pentadbiran wilayah
B Pentadbiran ketenteraan
C Pentadbiran berpusat
D Pentadbiran tempatan
- 4 Kejayaan Parameswara membangunkan Melaka banyak dibantu oleh Orang Laut. Apakah peranan Orang Laut?
- A Membekalkan hasil hutan
B Memegang jawatan pembesar
C Menjaga keselamatan Selat Melaka
D Menyediakan kemudahan di pelabuhan
- 5 Kerajaan Melaka menjalinkan hubungan perdagangan dengan Jawa untuk mendapat bekalan
- I beras
II rempah
III emas
IV kayu jati
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT

- 6 Ilustrasi 1 menunjukkan sultan dan pembesar Melaka sedang berbincang tentang pentadbiran negeri.



Ilustrasi 1

Apakah nilai Islam yang diterapkan dalam perbincangan tersebut?

- A Toleransi
 B Kerjasama
 C Berhemah
 D Musyawarah
- 7 Bagaimanakah cara perluasan kuasa oleh Melaka terhadap Pasai?
- A Melalui bantuan
 B Melalui kerelaan
 C Melalui penaklukan
 D Melalui perkahwinan
- 8 Senarai berikut merupakan faktor kemerosotan dan kejatuhan kerajaan Melaka.

- X
- Kelemahan askar Melaka
- Kelemahan kepimpinan

Apakah X?

- A Serangan Aceh
 B Masalah perpaduan
 C Perebutan takhta
 D Tiada bantuan luar
- 9 Apakah mata wang perak yang digunakan di pelabuhan Johor semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II?
- A Mas
 B Pitis
 C Kupang

[Lihat sebelah
 SULIT

D Katun

10 Bagaimanakah Sultan Muhammad I dapat menjaga kemerdekaan negeri Kelantan?

- A Mendapat bantuan dari Terengganu
- B Menjadi naungan kerajaan Melaka
- C Menjalin hubungan diplomatik dengan Siam
- D Mengadakan hubungan persaudaraan dengan Johor

11 Apakah kepentingan perbilangan adat berikut kepada masyarakat di Negeri Sembilan?

*Bulat anak buah menjadi buapak
Bulat buapak menjadi lembaga
Bulat lembaga menjadi penghulu
Bulat penghulu menjadi raja*

- A Menentukan pemilihan pemimpin
- B Membahagikan kawasan pentadbiran
- C Menetapkan pembahagian harta pusaka
- D Mewujudkan perpaduan dalam masyarakat

12 Maklumat berikut berkaitan amalan tradisi dalam masyarakat Melayu.

- Memanggil orang yang lebih tua dengan pak long, pak ngah dan pak lang
- Bersalam dengan orang tua sambil mencium tangan

Mengapakah amalan tersebut masih dikekalkan?

- A Menyayangi ahli keluarga
- B Menghormati orang lebih tua
- C Merasa bangga kepada amalan tradisi
- D Memberi kesetiaan kepada saudara mara

13 Senarai berikut menunjukkan pihak yang aktif mengusahakan kegiatan perlombongan di Sarawak.

- Kaum Bidayuh
- Orang Cina

Antara berikut, yang manakah galian penting yang diusahakan oleh mereka?

- A Besi
- B Emas

**[Lihat sebelah
SULIT**

- C Timah
D Bauksit

- 14 Mengapakah masyarakat yang tinggal di rumah panjang di Sabah dianggap istimewa?
A Dapat berkongsi perayaan
B Dapat meningkatkan ekonomi
C Dapat mengembangkan budaya
D Dapat hidup dalam sebuah keluarga besar
- 15 Peta 1 menunjukkan ancaman yang dihadapi oleh negeri Kedah.



Peta 1

Apakah tindakan yang diambil oleh Sultan Kedah untuk mengatasi ancaman tersebut?

- A Meminta bantuan Inggeris
B Menyerah diri kepada Siam
C Melarikan diri ke Pulau Pinang
D Menghantar tentera ke Burma
- 16 Berdasarkan maklumat dalam rajah 1, apakah Perjanjian X ?


	Kesan
Perjanjian X	<ul style="list-style-type: none"> Kedah menjadi negeri naungan Siam
	<ul style="list-style-type: none"> Kedah terpaksa menghantar bunga emas kepada Siam

Rajah 1

- A Perjanjian Burney 1826
B Perjanjian Bangkok 1909
C Perjanjian Inggeris-Kedah 1786
D Perjanjian Inggeris-Belanda 1824

[Lihat sebelah
SULIT

- 17 Rajah 2 menunjukkan masalah pewarisan takhta yang dihadapi oleh kerajaan Johor.



Rajah 2

Apakah kesan daripada masalah pewarisan takhta tersebut?

- A Inggeris membina loji di Singapura
 B Stamford Raffles membuka Singapura
 C John Crawfurd menjadi Residen Singapura
 D Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) menguasai Singapura
- 18 Senarai berikut menunjukkan peristiwa penting yang berlaku di negeri Selangor.

- Rompakan kapal dagang British di Langat pada 1873
- Serangan rumah api di Tanjung Rachado pada tahun 1874

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan peristiwa tersebut?

- A Perang Klang tercetus
 B Residen pertama dilantik
 C Tengku Kudin menjadi sultan
 D British membina kubu pertahanan

[Lihat sebelah
SULIT

- 19 Rajah 3 menunjukkan perubahan sistem pentadbiran British di Tanah Melayu?



Rajah 3


Mengapakah British membuat perubahan tersebut?

- I Mengukuhkan keselamatan
 II Mengembalikan kuasa sultan
 III Menghapuskan sistem residen
 IV Menyeragamkan pentadbiran
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 20 Maklumat berikut berkaitan rasa tidak puas hati Raja-raja Melayu terhadap pembentukan Persekutuan 1896.

- Pemusatan kuasa di tangan Residen Jeneral
- Raja-raja Melayu kehilangan kuasa

Apakah tindakan sultan untuk menyuarakan rasa tidak puas hati tersebut?

- A Memperkenalkan undang-undang baru
 B Melucutkan jawatan Residen Jeneral
 C Meningkatkan kuasa Majlis Mesyuarat Negeri
 D Menganggotai Persidangan Raja-raja Melayu
- 21 Garis masa berikut menunjukkan beberapa perjanjian yang ditandatangani oleh British.



Mengapakah British menandatangani perjanjian tersebut?

- A Memodenkan pentadbiran
 B Mengiktiraf ketuanan Siam

[Lihat sebelah
SULIT

- C Menguasai hasil bumi
- D Mengukuhkan kuasa

22 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang tokoh yang terlibat dalam pembangunan dan pemodenan negeri Johor.

- Menjadi Pesurujaya Polis
- Dianugerahi gelaran Dato' Bentara Luar
- Melukis peta pembangunan negeri Johor

Merujuk kepada maklumat tersebut siapakah tokoh yang dimaksudkan?

- A Dato' Jaafar Muhammad
- B Dato' Abdul Rahman Andak
- C Dato' Muhammad Salleh Perang
- D Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

23 Lembaga Penasihat Johor telah ditubuhkan di London pada tahun 1886. Apakah fungsi lembaga tersebut?

- A Mengawal ekonomi
- B Mengurus hubungan luar
- C Menyelaras kewangan
- D Menggubal undang-undang

24 Mengapakah orang Bidayah dan orang Melayu di Sarawak menentang Pangeran Indera Mahkota?

- A Harga antimoni dinaikkan
- B Dikenakan cukai yang tinggi
- C Larangan membuka tanah baru
- D Suami dan isteri dipisahkan

25 Maklumat berikut berkaitan kegiatan perlombongan emas oleh orang Cina di Sarawak.

Tahun : 1857
Tempat : Bau
Peristiwa : Memberontak kerana tidak puas hati dengan kadar cukai

Apakah tindakan mereka selepas gagal dalam pemberontakan tersebut?

- A Membina kubu di Bau
- B Meminta bantuan British
- C Melarikan diri ke Sambas
- D Menganggotai Syarikat Borneo

[Lihat sebelah
SULIT


- 26 Jadual 1 menunjukkan bilangan sekolah di Sarawak semasa pemerintahan keluarga Brooke.

Jenis sekolah	Bilangan sekolah	
	1930	1938
Tahun	1930	1938
Sekolah Katolik	15	27
Sekolah Melayu	24	33
Sekolah Cina	91	144
Sekolah Dayak	1	1

Jadual 1

Mengapakah Charles Brooke tidak menggalakkan pembinaan Sekolah Dayak?


- A Menerima tentangan sengit
 B Menghadapi masalah kewangan
 C Mengalakkan perpaduan kaum
 D Mengekalkan cara hidup tradisional
- 27 Rajah 4 merujuk kepada pentadbiran di Sabah.



Rajah 4

Apakah majlis X?

- A Majlis Daerah
 B Majlis Tertinggi
 C Majlis Penasihat
 D Majlis Residen
- 28 Rajah 5 berkaitan dengan mahkamah yang terdapat di Sabah.



Rajah 5

Siapakah yang bertanggungjawab mengendalikan kes-kes tersebut?

- A Residen
 B Gabenor

[Lihat sebelah
SULIT

- C Pegawai Daerah
- D Ketua Anak Negeri

- 29 Dialog1 mungkin berlaku dalam kalangan penduduk tempatan di Sabah semasa pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB).




Dialog 1

Mengapakah SBUB bertindak demikian?

- A Mengatasi masalah kewangan
 - B Memajukan tanaman tradisional
 - C Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - D Menyediakan kemudahan infrastruktur
- 30 Rancangan Sekatan Stevenson 1922 bertujuan mengurangkan pengeluaran dan meningkatkan harga getah. Antara berikut negara manakah yang menyertai rancangan tersebut?
- I Myanmar
 - II Indonesia
 - III Sri Lanka
 - IV Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT

31. Peta 2 menunjukkan terdapat 3 fasa perkembangan landasan kereta api semasa pentadbiran British.



Apakah kepentingan pembinaan landasan kereta api dalam fasa I tersebut?

- A Menghubungkan pusat pentadbiran
 B Menghubungkan bandar dengan luar bandar
 C Menghubungkan negeri-negeri di pantai barat
 D Menghubungkan kawasan bijih timah dengan pelabuhan
32. Yap Ah Loy telah membangunkan sebuah bandar hasil perkembangan perlombongan bijih timah.
- Apakah bandar tersebut?
- A Ipoh
 B Taiping
 C Kuala Lumpur
 D Kuala Kangsar
33. Mengapakah orang Murut telah berpindah ke pendalaman Kalimantan semasa pemerintahan SBUB?
- A Protes sumpah taat setia
 B Enggan menjadi buruh paksa
 C Ingin mengekalkan ekonomi tradisi
 D Mahu mentadbir kawasan sendiri

[Lihat sebelah
SULIT


- 34 Jadual 2 menunjukkan kesan perjuangan tokoh tempatan terhadap pentadbiran British.

Negeri	Tokoh	Kesan perjuangan
Perak	Dato' Maharaja Lela	Digantung sampai mati
Terengganu	Haji Abdul Rahman Limbong	Dibuang negeri
Sabah	Antanom	Terkorban

Jadual 2

Apakah iktibar yang dapat kita contohi daripada pengorbanan tokoh-tokoh tersebut?

- A Bekerjasama membantu pemerintah
 B Bersatu mengekalkan keamanan
 C Berani menegakkan kedaulatan
 D Bersabar menghadapi penjajahan
- 35 Rajah 6 menunjukkan akhbar-akhbar terbitan Kaum Tua.



Rajah 6

Mengapakah Kaum Tua menerbitkan akhbar tersebut?

- A Menentang idea Kaum Muda
 B Mengkritik pembesar tempatan
 C Menekankan pendidikan wanita
 D Menghalau penjajah Barat
- 36 Jadual 3 menunjukkan novel yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua.

Pengarang	Nama Novel
Harun Aminurrashid	<i>Melor Kuala Lumpur</i>
Ishak Haji Muhammad	<i>Anak Mat Lela Gila</i>
Abdullah Sidek	<i>Mari Kita Berjuang</i>

Jadual 3

Apakah tema yang menjadi pilihan penulis novel tersebut?

- A Kesedaran kebangsaan
 B Kepentingan pendidikan

[Lihat sebelah
SULIT

- C Kemajuan ekonomi
- D Kesetiaan rakyat

37 Pihak Jepun menggunakan slogan berikut untuk mempengaruhi penduduk tempatan.

“Asia untuk orang Asia”

Apakah bukti Jepun menggunakan slogan tersebut?

- A Kewujudan ekonomi yang makmur
- B Mempunyai jati diri yang tersendiri
- C Negara-negara Barat dibela
- D Tidak menyerang Thailand

38 Gambar 2 menunjukkan cara kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu.



Gambar 2

Mengapakah Jepun menggunakan cara tersebut?

- A Menjimatkan kos
- B Mempercepat perjalanan
- C Mudah untuk dikendalikan
- D Menjamin keselamatan tentera

39 Maklumat berikut menunjukkan kerjasama antara pihak Jepun dengan orang India di Tanah Melayu.

Sebahagian askar India yang berkhidmat dalam tentera British berpaling tadah kepada pihak Jepun.

Mengapakah askar India bertindak demikian?

- A Menguasai ekonomi
- B Menentang secara gerila
- C Mengusir British di India
- D Mendapat layanan istimewa

**[Lihat sebelah
SULIT**

- 40 Bekalan makanan berkurangan semasa Jepun menguasai Tanah Melayu. Bagaimanakah Jepun mengatasi masalah tersebut?
- A Menggalakkan rakyat berjimat cermat
 B Mengenakan catuan bekalan makanan
 C Memperkenalkan mata wang “pokok pisang”
 D Memberikan layanan istimewa kepada “kaisha”
- 41 Senarai berikut merupakan kejayaan pentadbiran X yang telah diperkenalkan oleh British.

Pentadbiran X	
•	Menghapuskan penguasaan Parti Komunis Malaya (PKM) selama 14 hari
•	Memujuk PKM supaya menyerahkan senjata
•	Mewujudkan keamanan dan menegakkan undang-undang

Apakah pentadbiran X?

- A Malayan Union
 B Persekutuan Tanah Melayu
 C Malayan Democratic Union
 D Pentadbiran Tentera British
- 42 Pentadbiran Malayan Union telah mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada Tanah Jajahan Mahkota.

Apakah ciri perlembagaan Malayan Union?

- I Diketuai oleh gabenor British
 II Raja-raja menjadi ahli Majlis Melayu
 III Syarat kerakyatan diperketatkan
 IV Majlis Raja-raja Melayu ditubuhkan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT

43 Senarai berikut menunjukkan tokoh wanita yang telah berjasa kepada negara.

- Halimahton Majid
- Datin Putih Mariah Ibrahim Rashid
- Cikgu Zahara Abdullah

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Menentang Malayan Union
- B Mengadakan Konferensi Nasional
- C Menganggotai Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Menubuhkan United Malays National Organization (UMNO)

44 Antara berikut siapakah yang layak mendapat kerakyatan secara *jus soli* dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Kaum imigran
- B Pendatang asing
- C Rakyat British
- D Orang dagang

45 Pada tahun 1948 beberapa wakil Parti Komunis Malaya (PKM) telah menghadiri Persidangan Pemuda Komunis Asia di Calcutta, India. Apakah hasil persidangan tersebut?

- A Membunuh pekerja-pekerja ladang
- B Memagar kawasan kampung
- C Menguasai ekonomi negara
- D Menubuhkan unit gerila

46 Pasukan berikut ditugaskan untuk mengawal kampung baru.

Special Constable (SC)

Apakah fungsi pasukan tersebut?

- A Mendapatkan sokongan penduduk tempatan
- B Membantu pasukan polis dan tentera menjaga keselamatan
- C Mengawal ladang dan kawasan lombong di kawasan terpencil
- D Memastikan bekalan makanan di kampung baru mencukupi

[Lihat sebelah
SULIT

- 47 Jadual 4 menunjukkan bilangan imigran yang menjadi warganegara Tanah Melayu pada tahun 1952.

Kaum	Bilangan (orang)
Cina	1.2 juta
India	180 ribu

Jadual 4

Apakah sikap orang Melayu yang boleh dicontohi daripada peningkatan bilangan imigran tersebut?

- A Bermuafakat
 B Bertolak ansur
 C Bantu-membantu
 D Bersemangat waja
- 48 Gambar 3 menunjukkan Tugu Peringatan Negara.



Gambar 3

Mengapakah tugu tersebut dibina?

- A Memperingati darurat
 B Menjadi tempat pelancongan
 C Mengiktiraf jasa pasukan tentera darat
 D Mengenang perajurit menentang komunis
- 49 Maklumat berikut berkaitan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) yang ditubuhkan pada tahun 1949.

Wakil	Kaum
Dato' Onn Jaafar	Melayu
Tun Tan Cheng Lock	Cina

Apakah tujuan CLC tersebut ditubuhkan ?

- A Mencapai perpaduan kaum
 B Menuntut kemerdekaan negara

[Lihat sebelah
SULIT

- 50 C Memerangi keganasan komunis
 D Menjaga kepentingan orang Melayu
 Maklumat berikut berkaitan dengan satu laporan pelajaran.

Laporan Pelajaran X
<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi sekolah rendah dan menengah. • Bahasa ibunda diajar jika terdapat 15 pelajar yang memohon.

Apakah Laporan Pelajaran X tersebut?

- A Laporan Barnes
 B Laporan Razak
 C Laporan Fenn Wu
 D Laporan Pelajaran Kebangsaan
- 51 Apakah sumbangan tokoh berikut untuk mewujudkan perpaduan di Tanah Melayu.



Gambar 4

- A Mengadakan pilihan raya
 B Mencadangkan Sistem Ahli
 C Mengasaskan Parti Perikatan
 D Memperketat syarat kerakyatan
- 52 Perlembagaan Merdeka 1957 telah memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk menerajui sebuah negara yang berdaulat.
- Siapakah yang menjadi ketua negara mengikut perlembagaan tersebut?
- A Gabenor
 B Ketua Menteri
 C Perdana Menteri
 D Yang di-Pertuan Agong

[Lihat sebelah
 SULIT

- 53 Pemasyhuran kemerdekaan berlangsung pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- I Pembebasan negara daripada penjajah asing
 - II Pembentukan satu parti yang berbilang kaum
 - III Penamatan perjanjian pertahanan dengan negara luar
 - IV Pemulangan kuasa kepada pemerintah tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 54 Maklumat berikut berkaitan faktor penyerahan Sarawak kepada pihak British.

- Desakan kerajaan British
- Keuzuran Charles Vyner Brooke
- X

Apakah X?

- A Pertikaian politik
- B Masalah kewangan
- C Kemakmuran ekonomi
- D Serangan tentera Jepun

- 55 Pemimpin berikut telah dihukum gantung oleh British kerana terlibat dalam pembunuhan Gabenor Sarawak kedua di Sibu.

Rosli Dhobi

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut?

- A Sanggup berkorban untuk negara
- B Perlu berhati-hati ketika berjuang
- C Hendaklah berbakti kepada negara
- D Mesti bertolak ansur dengan penjajah

[Lihat sebelah
SULIT

56 Senarai berikut merujuk kepada sebuah parti politik di Sabah.

- Diasaskan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun
- Memperjuangkan hak kaum Bumiputera Muslim
- Menukar nama Borneo Utara kepada Sabah

Apakah parti tersebut?

- A Pasok Momogun
- B Parti Perikatan Sabah
- C Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)
- D Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)

57 Mengapakah Britain dan Amerika Syarikat menyokong penubuhan gagasan Persekutuan Malaysia?

- A Menyeragamkan pentadbiran
- B Menyekat pengaruh komunis
- C Melindungi kepentingan penduduk
- D Meningkatkan kemajuan ekonomi tempatan

58

Tuntutan 20 Perkara Sabah

Apakah perkara yang dikemukakan dalam tuntutan tersebut?

- A Agama Islam sebagai agama rasmi
- B Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- C Imigresen di bawah kuasa kerajaan negeri
- D Pendidikan diberi secara percuma

59 Maklumat berikut merupakan tindakan yang dilakukan oleh Malaysia antara tahun 1963 hingga 1966.

- Menghantar wakil ke PBB
- Menyusun semula Askar Wataniah
- Mendapat bantuan ketenteraan Komanwel

Mengapakah Malaysia bertindak demikian?

- A Kekacauan di Brunei
- B Konfrantasi Indonesia

[Lihat sebelah
SULIT

- C Ketegangan kaum
- D Keganasan komunis

60 Konsep Malaysian Malaysia telah menyebabkan Singapura keluar dari Malaysia.

Apakah isu yang berkaitan dengan konsep tersebut?

- A Menuntut pelabuhan bebas
- B Menyertai Parti Perikatan
- C Menjadi Perdana Menteri
- D Menafikan institusi raja

KERTAS SOALAN TAMAT

**[Lihat sebelah
SULIT**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA PMR 2010

SEJARAH 21/1

SKEMA

No Soalan	Skema	No Soalan	Skema
TG 1		31	D B6 MS 146
1	A B1 M/S 5		
2	D B2 M/S 26	32	C B6 MS 153
3	B B3 M/S 38	33	A B7 MS 185
4	C B4 M/S 51 - 52	34	C B7 MS 184-191
5	A B5 M/S 70	35	A B8 MS 204
6	D B5 M/S 75	36	A B8 MS 212
		TG3	
7	A B5 M/S 82	37	D B1 MS 5
8	B B6 M/S 91	38	B B1 MS 9
9	C B7 MS 110	39	C B1 MS 24
10	C B8 MS 130	40	B B2 MS 34
11	A B9 MS 146	41	D B2 MS 48
12	B B9 MS 164	42	A B2 MS 50
13	B B10 MS 189	43	A B2 MS 62
14	D B11 MS199	44	C B2 MS 78
TG2			
15	A B1 MS 5 - 6	45	D B3 MS 89-90
16	A B1 MS 11	46	C B3 MS 93
17	D B1 MS 16	47	B B3 MS 100
18	B B2 MS 39	48	D B3 MS 111
19	B B2 MS 45	49	A B4 MS 121
20	D B2 MS 47	50	B B4 MS 129
21	D B3 MS 62	51	B B4 MS 131
22	C B3 MS 68	52	D B5 MS 157
23	B B3 MS 69	53	B B5 MS 162-163
24	B B4 MS 77	54	B B6 MS 175
25	C B4 MS 90	55	A B6 MS 183
26	D B4 MS 94-95	56	D B6 MS 191
27	C B5 MS 105	57	B B7 MS 213
28	C B5 MS 108	58	C B7 MS 216
29	A B5 MS 111	59	B B7 MS 222-223
30	D B6 MS 133	60	D B7 MS 226 - 227